



PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
Faks : 03-2698 9218  
Emel : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

22 Ogos 2019

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD, PENGERUSI  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG  
BERHUBUNG**

**PROSIDING PENJUALAN TANAH MILIK DEWAN BANDAR RAYA KUALA  
LUMPUR (DBKL)**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen memulakan prosiding berhubung Penjualan Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) selepas semua Ahli-Ahli Jawatankuasa ini bersetuju sebulat suara untuk menyiasat isu ini bagi memastikan penjualan tanah milik Kerajaan di bawah DBKL dijalankan mengikut prosedur dan undang-undang yang ditetapkan selain memberikan nilai terbaik kepada Kerajaan.
- 2) Berikutan isu ini, tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, PAC Parlimen menggunakan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) yang jelas menyebut "...Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dilantik pada awal tiap-tiap Parlimen kerana memeriksa...apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan, oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu."

- 3) Berikutan itu, Jawatankuasa ini memulakan prosiding pertama berhubung isu terbabit pada 4 April 2019 dengan memanggil YB Tuan Haji Khalid Samad, Menteri Wilayah Persekutuan.
- 4) Kemudian pada 23 April 2019, PAC Parlimen memanggil Tuan Tommy Thomas, Peguam Negara yang menghantar wakilnya Datuk Siti Zainab Omar, Peguam Cara Negara II serta Datuk Seri Shukri Abdull, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika itu, bagi memberikan keterangan dan penjelasan berhubung isu ini.
- 5) Pada 19 Ogos 2019 pula, PAC Parlimen kemudian memutuskan untuk memanggil Tuan Derek John Fernandez, seorang peguam serta Ahli Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ), yang berpengalaman dalam isu tanah awam bagi mendengar pandangan beliau mengenai prosiding ini.
- 6) Prosiding untuk isu ini kemudian diteruskan pada 20 Ogos 2019 dengan mendengar penjelasan daripada Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- 7) Saya ingin menegaskan bahawa prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini, tidak mempunyai kaitan dengan kes mahkamah yang sedang berlangsung membabitkan mantan Menteri Wilayah.
- 8) Malah dalam setiap prosiding berhubung isu ini, Jawatankuasa ini dibantu sepenuhnya oleh wakil daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara (JAN) dan SPRM dalam memastikan maklumat yang diberikan kepada PAC tidak dianggap sebagai subjudice serta mengganggu perbicaraan di mahkamah.

- 9) PAC Parlimen juga bersetuju untuk meminta bantuan daripada JAN bagi melaksanakan pengauditan khas berhubung penjualan tanah milik DBKL ini, dan laporannya akan dibentangkan ke Jawatankuasa ini.
- 10) Pengauditan khas ini, perlu dalam membantu PAC Parlimen menyiapkan laporan berhubung isu sebelum ia dibentangkan ke Parlimen.
- 11) Selain itu, Jawatankuasa ini belum menetapkan sebarang tarikh untuk Laporan PAC Parlimen Berhubung Penjualan Tanah Milik DBKL dibentangkan ke Parlimen.
- 12) Laporan PAC berhubung isu ini, hanya akan dibentangkan apabila Jawatankuasa ini berpuas hati dengan setiap keterangan dan penjelasan daripada saksi yang dipanggil dalam prosiding membabitkan penjualan tanah milik DBKL.

Sekian Terima Kasih

Yang Berhormat Datuk Dr. Noraini Ahmad  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)  
Parlimen Malaysia